

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KELEDEK**Standard FAMA : FS033 – 2005****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk keledek atau nama botaninya *Ipomoea batatas (L) Lam* dari famili *Convolvulaceae* untuk pasaran segar. Skop ini hanya meliputi varieti Large White, Susu Lembu, Ubi Biru, Keledek Cina, Kang Kong. Nama tempatannya ialah Ubi Keledek, Ubi Manis, Ubi Stella dan Ubi Jalur.

2. DEFINASI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud;

- 2.1 Kematangan – Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut;
 - 2.1.1 Indeks 1 – Belum Matang. Keseluruhan permukaan kulit licin dan terdapat akar rambut. Isi kurang padat, mudah dipatahkan. dan mengeluarkan getah cair berwarna putih jernih apabila dipotong.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Permukaan kulit kasar, tiada akar rambut. Isinya padat, tidak mudah dipatahkan dan mengeluarkan getah berwarna putih yang hampir pekat apabila dipotong.
 - 2.1.3 Indeks 3 – Lebih Matang. Permukaan kulit lebih kasar dan terdapat rekahan. Isinya kenyal, tidak padat, berongga dan mengeluarkan getah yang pekat apabila dipotong.
- 2.2 Varieti yang sama – Mempunyai ciri-ciri yang sama dari segi bentuk, warna kulit dan warna isi.
- 2.3 Perapian – Tangkai dan bahagian hujung keledek, bahagian melengkong, bengkok dan gegenting yang menjejaskan keseluruhan rupa hendaklah dipotong.
- 2.4 Bersih – Bebas daripada benda asing yang boleh memberi kesan kepada keseluruhan rupa termasuklah kesan selut, pasir, tanah atau sisa daun reput.
- 2.5 Segar – Mempunyai permukaan kulit yang agak licin, dan tekstur isi yang rangup dan pejal (firm).
- 2.6 Kotor – Terdapat kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti selut, tanah, pasir dan sisa daun reput.
- 2.7 Kecacatan – mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuklah kotor, cacat bentuk dan cacat rupa;

- 2.7.1 Cacat Bentuk – Individu keledak yang bentuknya tidak sempurna seperti melengkong, bengkok, genting dan terdapat rekahan tumbesaran.
- 2.7.2 Cacat Rupa – Tanda-tanda luaran yang memberi kesan kepada keseluruhan rupa individu keledak seperti nyah warna luar biasa, kesan parut, lubang-lubang kecil dan sebarang kesan tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan kualiti isi.
- 2.8 Rosak – Kesan kecederaan atau kerosakan akibat kesan berikut yang akan menjejaskan kualiti isi, jangkahayat simpanan, pemakanan dan keseluruhan rupa.
 - 2.8.1 Kesan gigitan atau lubang yang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.8.2 Kesan penyakit yang disebabkan oleh organisma mikro seperti busuk, reput, berkeruping, berbintik-bintik hitam dan kecut.
 - 2.8.3 Kesan kecederaan mekanikal seperti luka, pecah, lebam, calar, memar, patah atau terpotong, tidak termasuk dipotong semasa proses perapian.

3. KEPERLUAN MINIMA

- 3.1 Keledak hendaklah masih segar, telah dibersihkan dan permukaan kulit kering.
- 3.2 Telah dibuat perapian pada setiap individu keledak.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.4 Agak bebas daripada rosak, kecacatan dan selamat untuk dimakan manusia.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Keledak dikelaskan kepada tiga (3) gred, tertakluk kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)
Premium	Dari varieti yang sama, kematangan dan saiz yang seragam, sempurna bentuk, permukaan kulit kering, bersih dan segar. Mestilah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 5 % Segar < 5 % Rosak < 2 % Kecacatan < 2% Keseragaman Saiz < 5 %
I	Dari varieti yang sama, kematangan dan saiz yang seragam, sempurna bentuk, permukaan	Kematangan < 5 % Segar < 5 %

	kulit kering, bersih dan segar. Mestilah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Rosak < 5 % Kecacatan < 5 % Keseragaman Saiz < 5 %
II	Dari varieti yang sama, kematangan dan saiz yang seragam, sempurna bentuk, permukaan kulit kering, bersih dan segar. Mestilah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 10 % Segar < 10 % Rosak < 5 % Kecacatan < 5 % Keseragaman Saiz < 10 %

4.2 Bagi semua varieti keledek, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti jadual berikut :

Saiz	Kod	Berat Mengikut Varieti (Gm)		
		Large White	Susu, Gendut, Kangkung Ubi Biru	Cina
Lebih Besar	XL	> 650	>500	>300
Besar	L	401 – 650	351-500	201-300
Sedang	M	151 – 400	201-350	101-200
Kecil	S	100 - 150	100-200	50-100

5. PEMBUNGKUSAN DAN PERLABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Keledek daripada varieti dan gred yang sama perlu dibungkus dalam bekas yang sesuai dengan peredaran udara yang betul supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Berat maksimum yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Perlabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

5.2.1 Tarikh:

5.2.2 Nama/Kod Penanam

5.2.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport

- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187-Method Of Sampling Fresh Vegetables atau Kaedah Statistik yang dipersetujui.